

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI  
MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah kerajaan bagi menyemarakkan lagi konsep dan falsafah Keluarga Malaysia dalam konteks Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 bagi memastikan ia dapat difahami, diterjemahkan, dihayati dan diterapkan dalam kehidupan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama, budaya dan fahaman politik.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB YB DATUK DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Konsep dan falsafah Keluarga Malaysia diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Ke-9 dalam ucapan sulung beliau pada 22 Ogos 2021. Konsep Keluarga Malaysia diambil kerana keutuhan negara terikat dengan nilai-nilai didikan sempurna dalam sesebuah keluarga. Sebagai satu Keluarga Malaysia, ia merupakan satu entiti yang saling melengkapi, umpama anggota tubuh yang saling memerlukan di antara satu sama lain.

2. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) telah dirangka dan telah dilancarkan pada 5 Oktober 2019. Dasar ini masih diteruskan oleh Kerajaan kini sebagai dasar pembangunan negara untuk tempoh jangka panjang bagi 10 tahun akan datang untuk mencapai 3 objektif iaitu:

- a) menstruktur ekonomi negara;
- b) menangani ketidaksamaan; dan
- c) membina negara.

3. Manakala konsep Keluarga Malaysia ini menekankan keberhasilan dalam tempoh jangka pendek terhadap pencapaian 3 objektif WKB 2030 ini. Falsafah WKB 2030 dan konsep Keluarga Malaysia ini membawa mesej strategik yang sama iaitu berorientasikan prestasi, kebersamaan dan inklusiviti di mana tiada masyarakat yang tertinggal dalam merasai pembangunan negara.

4. Antara langkah Kerajaan dalam menyemarakkan konsep dan falsafah Keluarga Malaysia ini adalah dengan mengadakan Majlis Pelancaran Keluarga Malaysia pada 23 Oktober 2021 sebagai usaha menyebarkan luas manifestasi hasrat dan komitmen Kerajaan agar dapat

difahami dan dihayati setiap lapisan masyarakat. Selain itu, antara usaha lain untuk menyemarakkan konsep Keluarga Malaysia adalah dengan menubuhkan Yayasan Keluarga Malaysia, mengenalpasti produk-produk Keluarga Malaysia dan melaksanakan program-program kempen Keluarga Malaysia seperti Skuad Keluarga Malaysia, Bulan Keluarga Malaysia dan Citra Warna Keluarga Malaysia. Selain itu, Kerajaan juga akan memperkenalkan mekanisme keberhasilan kebahagiaan (*Key Happiness Outcome – KHO*) sebagai instrumen untuk mengukur kepuasan rakyat.

5. Dasar dan konsep yang diperkenalkan oleh Kerajaan seperti WKB 2030 dan Keluarga Malaysia ini memberi kesan positif terhadap kehidupan sebagai seorang rakyat Malaysia. Sebagai contohnya, dalam usaha untuk mengurangkan jurang pendapatan yang semakin melebar, Kerajaan meneruskan pemberian bantuan kewangan seperti Bantuan Prihatin Nasional, bantuan-bantuan lain seperti Bakul Makanan, rebat bil elektik dan program subsidi upah.

6. Dari segi memulihkan ekonomi dan mengatasi masalah pandemik COVID19 pula, Kerajaan telah membelanjakan jumlah yang besar bagi menyediakan keperluan vaksin secara percuma kepada semua rakyat agar majoriti rakyat dilindungi. Nilai inklusiviti atau keterangkuman ini yang diketengahkan dalam kedua-dua dasar dan konsep ini merupakan manifestasi Kerajaan yang mengambil berat tentang kebajikan dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.